

## Gaya Peralihan Kod dalam Kesusasteraan Multilingual di Malaysia

### Code Switching Style in Multilingual Literature in Malaysia

MOHAMMAD FADZELI JAAFAR

#### ABSTRAK

*Dalam makalah ini, hubungan di antara peralihan kod (code-switching) dan identiti sosial akan dibincangkan. Makalah ini berpandangan bahawa peralihan kod digunakan untuk menggambarkan identiti pengarang dan pembaca. Gejala percampuran kod telah menjadi suatu kelaziman dalam masyarakat berbilang kaum di Malaysia. Makalah ini akan meneroka (i) pola peralihan kod, dan (ii) fungsi peralihan kod dalam novel terpilih. Analisis peralihan kod dalam makalah ini akan berdasarkan pengkategorian yang dikemukakan oleh Milroy dan Musyken. Hasil kajian menunjukkan bahawa intra-ayat lebih produktif berbanding inter-ayat dalam kesusasteraan Melayu. Penutur lebih cenderung memilih peralihan kod Melayu-Inggeris dalam situasi formal dan akan menggunakan bahasa Melayu sepenuhnya dalam situasi tak formal. Kajian ini mendapati kebanyakan watak dalam novel Melayu adalah dwibahasa dominan, iaitu dominan dalam satu bahasa. Kajian ini telah menyumbang pada pemahaman gaya peralihan kod dalam kesusasteraan multilingual di Malaysia.*

*Kata kunci: Peralihan kod; identiti sosial; realiti berbahasa; dwibahasa dominan; kesusasteraan multilingual*

#### ABSTRACT

*In this article, the relationship between code-switching and social identity are discussed. It is believed that code-switching is used to reflect the identity of writer and reader. Code-switching has become a norm among speakers in Malaysia. This article will explore (i) the pattern of code-switching, and (ii) the pragmatic function of code-switching in the selected novels. The analysis of code-switching is based on Milroy and Musyken. The result of this study has shown that intra-tag is actually much more productive than inter-tag. The characters tend to choose Malay-English in a formal situation and only Malay in informal situation. This study found that most of the characters in the Malay novels are dominant bilingual, that is dominant in one language. This paper has contributed to an understanding of the style of code-switching in multilingual literature in Malaysia.*

*Keywords: Code-switching; social identity; reality of language use; dominant bilingual; multilingual literature*

#### PENGENALAN

Istilah *code-switching* pertama kali disebut secara eksplisit oleh Vogt pada tahun 1954 (dalam Caccamo 1998). Pada waktu itu, *code-switching* lebih cenderung dirujuk sebagai persoalan psikologi berbanding fenomena linguistik. Bagaimanapun, kajian selepasnya hingga yang terkini menganggap *code-switching* sebagai perlakuan bahasa dalam perbualan bilingual yang melibatkan tatabahasa dan leksikon. Kini, *code-switching* atau peralihan kod menjadi salah satu aspek yang penting dalam kajian bilingualisme. Menurut Baker (1993), peralihan kod atau *code-switching* berlaku apabila individu bertukar-tukar antara dua atau lebih bahasa dalam pertuturannya. Peralihan kod terjadi secara sengaja dengan tujuan yang tertentu, misalnya

untuk menegaskan sesuatu, ketiadaan perkataan dalam bahasa tersebut, untuk memudahkan ekspresi, untuk mengekspreskan identiti kumpulan dan status dan untuk melangkaui sempadan sosial atau etnik. Peralihan kod merupakan suatu gejala berbahasa yang lazim terjadi dalam kebanyakan bahasa di dunia, sama ada dalam pertuturan atau tulisan. Misalnya, Guadalupe Valdés Fallis (1976) pernah mengkaji penggunaan peralihan kod Inggeris-Sepanyol dalam puisi oleh komuniti Chicano di Amerika Syarikat. Kajian ini telah membuka dimensi baru tentang penggunaan bahan sastera dalam analisis sociolinguistik. Pengkaji turut mempersoalkan tujuan peralihan kod dalam puisi ini, sama ada sebagai gaya perbualan yang khusus, penanda kumpulan yang tertentu atau penanda prestij dan kuasa.

Dalam konteks di Malaysia, peralihan kod telah dapat dikesan seawal abad ke-17, iaitu dalam teks *Sejarah Melayu*, misalnya:

- (1) Maka oleh Tun Bija Sura dipilihnya anak tuan-tuan empat lima orang, dibawahnya naik ke paseban. Maka Tun Bija Sura dengan segala anak tuan-tuan itu pun berlunjurlah di hadapan Betara Majapahit, kain disingsingnya had lutut. Telah dilihat hulubalang Jawa, dilarangnya katanya, ‘Tanpa kedep tambung laku sira, berlunjur di hadapan Betara Majapahit.’ (Shellabear 1991: 90)

Contoh (1) di atas ialah perbualan di antara Tun Bija Sura dengan Betara Majapahit. Bersesuaian dengan latarnya di Majapahit, maka Tun Bija Sura telah bertutur bahasa Jawa. Kesan penggunaan bahasa Jawa dalam petikan ini menjadikan cerita yang ingin disampaikan lebih realistik, dan bersesuaian dengan konteks cerita. Daripada sisi lain, pengarang telah berjaya menonjolkan watak yang multilingual.

Pada zaman pasca merdeka pula, pengarang teks moden di Malaysia cenderung mencampurkan bahasa Inggeris dengan bahasa Melayu dalam karya mereka. Misalnya;

- (2) “I telefon *you* dari tadi. Apa hal *line you* asyik sibuk ja?” dia bertanya dalam nada merungut sambil tangannya mengeluarkan sekotak rokok dari kecek kemeja batiknya. (Saleha Hussin 2005:54)
- (3) Di dalam perjalanan aku membisu seribu bahasa. Walaupun kami duduk bersebelahan, aku tak tahu apa yang nak dibualkan. Fikri juga seperti mati kutu. “*About the trip*, mak usu *you* bagi *green light*, tak?” Tiba-tiba suara Fikri memecah kesepian. Aku pantas menoleh ke arahnya. Baru aku teringat. “Oh ya, I pun terlupa nak beritahu *you*. *Actually* mak usu I minta *you* datang jumpa dia.” (Aisyah Sofea 2007:54)

Kedua-dua contoh (2) dan (3) memperlihatkan realiti berbahasa dalam kalangan masyarakat Malaysia pada hari ini, melalui percampuran bahasa Inggeris dengan bahasa Melayu, misalnya, ganti nama *I* dan *you*, kata nama *line*, adverba *actually* dan klausa *About the trip*. Analisis yang sederhana ini memperlihatkan bahawa peralihan kod dalam karya kesusasteraan terjadi pada pelbagai tahap, iaitu kata, frasa dan klausa. Kesemua peralihan kod ini berfungsi untuk menggambarkan latar belakang watak, misalnya daripada aspek pendidikan, status sosial dan ekonomi. Makalah ini akan membincangkan peralihan kod dalam kesusasteraan Melayu daripada aspek pola dan variasi gaya, yang akan dihubungkan dengan identiti penutur.

## KERANGKA KAJIAN

Makalah ini menerapkan kerangka konsep peralihan kod yang dikemukakan oleh Milroy dan Musyken (1995). Umumnya terdapat sekurang-kurang 3 tahap peralihan kod iaitu tag, intra-ayat (*intra-sentential*) dan inter-ayat (*inter-sentential*). Peralihan kod pada tahap tag melibatkan penyematan unsur tag atau *interjection* dalam sesuatu ayat atau ujaran. (Milroy & Musyken 1995; Romaine 1995). Contohnya:

- (4) “Hamid maksud *you*? *No need*lah Nina, dia tu *you* bukan tak tahu. Apa saja *proposal* yang melibatkan operator, semua dia *disagree*.” (Norhayati Berahim 2005: 46)

Berdasarkan contoh di atas, unsur *lah* termasuk dalam kategori tag, iaitu unsur terkecil atau paling minimal dalam sesuatu bahasa yang disematkan pada kata *need*. Menurut Poplack (1982), unsur tag boleh disematkan di mana-mana sahaja dalam struktur ujaran tanpa melanggar peraturan dalam bahasa. Seterusnya tahap intra ayat (*intra-sentential*) pula merujuk kepada percampuran dua bahasa dalam satu kata atau frasa dalam satu ayat yang sama. Contohnya kata *proposal* dan *disagree*, yang merupakan perkataan daripada bahasa Inggeris yang disematkan dalam klausa. Gejala seperti ini adalah yang paling lazim berlaku dalam sesuatu ujaran.

Tahap yang terakhir ialah peralihan inter-ayat yang terjadi pada tahap ayat (Milroy & Musyken 1995), iaitu seperti dalam contoh yang berikut:

- (5) *That's up to you*. *You* kena bincang dengan Encik Hamid, *head engineer, foreman* dan *supervisor*. (Norhayati Berahim 2005: 34)

Contoh (5) di atas memperlihatkan klausa pertama *That's up to you* disampaikan sepenuhnya dalam bahasa Inggeris. Ujaran berikutnya merupakan campuran bahasa Melayu dan Inggeris. Maka, ini adalah contoh peralihan kod pada tahap inter-ayat.

Berdasarkan analisis, didapati bahawa pertuturan watak dalam karya sastera Melayu didapati menerapkan ketiga-tiga jenis peralihan kod, iaitu peralihan tag, intra-ayat (*intraswitching*) dan inter-ayat (*interswitching*). Hal ini akan dibincangkan secara tuntas dalam bahagian yang menyusul.

## PERALIHAN TAG

Dalam kajian Mohammad Fadzeli Jaafar (1999), telah ditemui bahawa *lah* berfungsi untuk

melembutkan, mengesahkan, menegaskan atau memperkuat sesuatu ujaran. Misalnya:

- (6) But still, *trylah!*  
 (7) Okay, *Okaylah!*

Contoh (6) dengan jelas menunjukkan bahawa penutur mengekspresi sikapnya terhadap apa yang diujar dan pada masa yang sama, memperlihatkan keakrabannya dengan sidilawan tutur. Dalam situasi ini, Devanayagam telah didesak oleh kekasihnya menulis surat kepadanya, dan dia menghadapi masalah untuk mendapatkan peluang menulis dan menerima surat. Untuk tidak menghampakan kekasihnya, walaupun berhadapan masalah, Devanayagam telah bersetuju untuk menulis surat kepada kekasihnya, dan menjawab, 'But still, try lah!'. Di sini, tanpa *-lah*, ujaran 'But still, try' akan kekurangan penekanan dan terutamanya kurang makna.

Contoh (7) pula memperlihatkan *-lah* berfungsi sebagai ekspresi untuk memperkuat pengesahannya. Melalui *-lah* pengarang menunjukkan bahawa Deva telah memperkukuh janjinya kepada Rukumani.

Kajian ini turut menemui sejumlah perkataan bahasa Inggeris yang disematkan (*attached*) dengan partikel *-lah* dan *-kan*, misalnya:

- (8) "Lain kali, naik kereta tu *checklah* dulu apa yang patut. Ini sampai minyak habis pun tak perasan." Tegur Mak Mimah ketika mereka sama-sama menghadap makanan. (Norhayati Berahim 2005: 61)
- (9) My sate dah ready. *Okaylah* I pergi dulu. (Norhayati Berahim 2005: 77)
- (10) "Tak *bestlah* akak tak pergi." Keluh Anisah lagi. Nina menggeleng-gelengkan kepalanya. Tawanya meletus. (Norhayati Berahim 2005: 132)
- (11) "Nak apa, pak cik *orderkan*." Pak Cik Azali bangun, menanti jawapan Nina. (Norhayati Berahim 2005: 134)
- (12) "*Inak* pergi *officelah*, *I* tinggalkan akhbar di sini, kirim salam pada Hajah Naimah dengan Azizah." Fikri menepuk bahu Nina mesra (Norhayati Berahim 2005: 160)
- (13) "Nina *I* cuba *call hand phone you* tapi *you offkan*. Ini *someone* nak jumpa *you*." Girang suara Azie. (Norhayati Berahim 2005: 160)

Contoh (8) – (13) menunjukkan unsur *-lah* dan *-kan* fleksibel dalam pertuturan Melayu-Inggeris. Maksudnya, *-lah* dan *-kan* dapat disematkan dengan pelbagai kelas kata, misalnya kata kerja *checklah*, *orderkan*, *offkan*, kata nama *officelah*, kata adjektif *bestlah*, dan kata adverba *okaylah*. Penggunaan *-lah* dalam pertuturan tidak terbatas pada kumpulan usia atau taraf pendidikan yang

tertentu, tetapi digunakan secara meluas oleh semua golongan. Misalnya, ujaran (9) disampaikan oleh Nina, ujaran (10) oleh Anisah, dan ujaran (12) dan (13) oleh Anisah dan Azie. Kesemua watak ini berada dalam kumpulan umur yang hampir sama, dengan kelas sosial yang setaraf. Manakala ujaran (8) dan (11) dituturkan oleh Mak Mimah dan Pak cik Azali yang mewakili golongan umur yang melebihi 50-an. Dari segi fungsi, *-lah* bertujuan untuk melembutkan ujaran, misalnya *checklah*, *okaylah* dan *bestlah*. Selain itu, unsur tag ini turut berfungsi sebagai penegasan, misalnya *officelah* dan *offkan*, dan sebagai pertanyaan untuk *orderkan*. Sebagai unsur bahasa yang fleksibel dalam pertuturan Melayu-Inggeris, dan melangkaui batasan usia dan kelas sosial, maka peralihan tag telah menjadi penanda identiti dalam kalangan pelbagai penutur di Malaysia. Hal ini pernah disebut oleh Mohammad Fadzeli Jaafar (1999) bahawa :

Adalah menarik juga untuk diperhatikan tabiat menyelitkan *-lah* dalam perbualan berbahasa Inggeris oleh penutur di Malaysia adalah tersebar luas tetapi dalam kebanyakan kes penutur tidak sedar dengan perlakuannya. Hal ini adalah berdasarkan hakikat bahawa *-lah* sangat menonjol dan penanda identiti yang berkuasa dalam kalangan penutur Malaysia-Inggeris.

Pernyataan di atas menjelaskan bahawa penutur di Malaysia tidak sedar tentang penyelitan *-lah* dalam perbualan mereka kerana hal ini telah dianggap lazim, dan menjadi identiti yang ketara dalam kalangan pelbagai bangsa di Malaysia.

#### INTRA-AYAT

Penggunaan peralihan kod untuk jenis intra-ayat adalah yang paling dominan dan lazim dalam teks kajian ini. Sebagaimana unsur *-lah* dan *-kan* yang boleh disematkan dengan pelbagai kelas kata, intra-ayat turut memperlihatkan variasi daripada aspek perkataan atau frasa yang disematkan dalam pertuturan. Misalnya,

- (14) "Hamid maksud *you?* *No needlah* Nina, dia tu *you* bukan tak tahu. Apa saja *proposal* yang melibatkan operator, semua dia *disagree*." (Norhayati Berahim 2005: 46)

Terdapat tiga ayat dalam contoh di atas, iaitu:

- (i) "Hamid maksud *you?*"  
 (ii) *No needlah* Nina, dia tu *you* bukan tak tahu.  
 (iii) Apa saja *proposal* yang melibatkan operator, semua dia *disagree*.

Kata ganti nama *you* merujuk kepada orang kedua. *No need* dalam ayat (ii) bermaksud tak perlu. Unsur *-lah* dalam konteks ini berfungsi untuk melembutkan kata *need*. Tanpa *-lah* penafian ini, misalnya *No need* akan kelihatan agak kasar. Seterusnya ayat (iii) menggunakan kata *proposal* dan *disagree*. Kata *proposal* merujuk kepada cadangan penyelidikan, sementara *disagree* ialah kata daripada bahasa Inggeris yang bermaksud tidak setuju. Analisis ini menunjukkan peralihan kod terjadi dalam semua ayat.

Yang lebih menarik lagi, kajian ini telah menemui bentuk peralihan kod yang semakin meluas digunakan, tetapi agak luar biasa bentuknya dari segi morfologi. Misalnya:

- (15) Mak Mimah hanya menggelengkan kepala. Tidak tahan dia *dismash* begitu dengan mereka semua.  
(Norhayati Berahim 2005: 64)
- (16) “Saya dah telefon Puan Mimah minggu lepas, kedai ini perlu *direnovation*. Banyak barang tapi tak ada tempat. Katanya mahu berbincang dengan Nina. Ada beliau beritahu Nina?” Tanya Hamizi.  
(Norhayati Berahim 2005: 69)

Berdasarkan contoh di atas, dua perkataan yang dianggap luar biasa bentuknya dalam peralihan kod Melayu-Inggeris ialah *dismash* dan *direnovation*. Kedua-dua perkataan ini ialah gabungan bentuk imbuhan pasif bahasa Melayu *di* + kata kerja/ kata nama bahasa Inggeris. Ternyata gaya peralihan kod Melayu-Inggeris bukan sahaja berlaku pada tahap penyelitan kata dalam ujaran, tetapi penggabungan kata dengan imbuhan. Penggabungan imbuhan bahasa Melayu dengan kata daripada bahasa Inggeris ini sebenarnya sama dengan gabungan perkataan Inggeris dengan *-lah* atau *-kan*. Kedua-duanya, imbuhan dan partikel ialah morfem terikat dalam bahasa Melayu. Kata *dismash* dalam konteks ini boleh sahaja digantikan dengan ‘dipukul’. Kata *smash* diambil daripada permainan badminton, iaitu suatu pukulan yang sangat deras untuk mematikan pihak lawan. Kata *renovation* pula bermaksud penambahbaikan atau pembaikpulihan. Dengan ini kata *direnovation* boleh sahaja digantikan dengan dibaiki. Bagaimanapun, kesannya tidak sama. Kata *dismash* dan *direnovation* ada gaya keinggerisan dan mungkin lebih mudah difahami oleh pendengar. Penemuan ini memperlihatkan peralihan kod Melayu-Inggeris di Malaysia mencakupi pelbagai kategori tatabahasa, sama ada morfem terikat, morfem bebas, frasa dan klausa.

## INTER-AYAT

Bentuk inter-ayat tidak banyak digunakan oleh watak dalam karya sastera Melayu berbanding intra-ayat, khusus novel yang dikaji ini. Daripada segi teori bilingualisme, tahap inter-ayat memerlukan kecekapan berbahasa yang lebih tinggi, iaitu penutur dwibahasa yang setara (*balanced bilingual*). Misalnya:

- (17) “*Your face looked familiar before, Universiti Malaya?*” Jari Syauqi Haris terangkat sedikit.  
Eleena lekas mengangguk.  
“*Same college with Kamarulzaman Ahmad?*”  
Eleena bulat biji mata. Teringat seseorang yang pernah dikenali dahulu.  
“Ya, kenalan di kolej dulu. *You know him?*”  
“*My best friend, actually.* Patutlah rasa macam pernah tengok. Saya selalu ke kolej jumpa Kamarul dulu...”  
(Salina Ibrahim 2003: 154)

Contoh (17) di atas ialah perbualan di antara seorang peguam, Syauqi Haris dengan Eleena. Bersesuaian dengan statusnya, Syauqi menggunakan bentuk pertuturan inter-ayat, “*Your face looked familiar before, Universiti Malaya?*” semasa memulakan perbualan dengan Eleena. Respon Eleena juga dalam bahasa Inggeris sepenuhnya. Ujaran selanjutnya “Ya, kenalan di kolej dulu. *You know him?*” merupakan contoh inter-ayat yang ideal, iaitu klausa pertama disampaikan dalam bahasa Melayu, manakala klausa seterusnya menggunakan bahasa Inggeris. Bentuk inter-ayat yang sama ditemui dalam ujaran selanjutnya oleh Nina, “*My best friend, actually.* Dua klausa selepasnya disampaikan dalam bahasa Melayu. Gaya pertuturan seperti ini menunjukkan bahawa Eleena dan Syauqi mempunyai tahap kecekapan berbahasa Inggeris yang baik kerana tidak mencampuradukkan perkataan bahasa Inggeris dalam pertuturan mereka seperti bentuk intra-ayat. Contoh ini turut menunjukkan bahawa peralihan kod berfungsi sebagai penanda status untuk golongan penutur yang tertentu.

## TEKS KAJIAN

Makalah ini telah memilih karya yang dikategorikan sebagai novel popular dalam kalangan pembaca. Novel tersebut dihasilkan pada tahun 90-an dan ke atas. Menurut *Merriam-Webster’s online dictionary* popular’ bermaksud (1) *relating to general public*, (2) *suitable to the majority*, (3) *frequently encountered or widely accepted*, dan

(4) *commonly liked or approved*. Takrif ini cuba menjelaskan bahawa popular berkaitan dengan awam, sesuai dengan kumpulan majoriti, diterima dengan meluas, dan digemari. Beberapa ciri popular ini menunjukkan bahawa konsep popular ada kaitan dengan masyarakat awam, iaitu sesuatu yang diterima atau disenangi oleh orang ramai. Dalam konteks karya popular, tentulah karya yang dianggap ‘popular’ itu harus mendapat sambutan yang meluas dalam kalangan khalayak pembaca, misalnya daripada segi tema, plot, latar, watak dan juga bahasa yang digunakan oleh pengarang.

Analisis peralihan kod dalam makalah ini akan berdasarkan petikan perbualan yang tertentu, yang melibatkan penutur yang tertentu dalam situasi yang berbeza-beza. Dengan cara ini, akan dapat diketahui gaya atau corak pertuturan individu dalam pelbagai konteks. Kajian terhadap novel seperti dalam makalah ini pernah dilakukan oleh Ibhawaegbele dan Edokpayi (2012). Mereka mengkaji penggunaan peralihan kod dalam tiga novel yang ditulis pengarang Nigeria berdasarkan strategi stilistik. Menurut mereka gejala peralihan kod adalah sesuatu yang lazim berlaku dalam prosa di Nigeria, yang melibatkan pelbagai watak dalam interaksi untuk konteks yang berbeza-beza. Hasil kajian mereka mendapati bahawa watak kadang kala bercakap dalam bahasa Inggeris dan kemudiannya beralih kepada bahasa tempatan atau bahasa Inggeris pidjin. Dalam situasi informal, bahasa pidjin atau dialek tempatan akan digunakan oleh watak, manakala bahasa Inggeris menjadi medium utama dalam situasi formal. Keseluruhannya, pengkaji mendapati bahawa penggunaan peralihan kod merupakan percubaan oleh pengarang Nigeria untuk menggambarkan realiti berbahasa Inggeris di Nigeria. Hal yang hampir sama sebenarnya turut terjadi dalam kalangan penulis novel di Malaysia yang cenderung untuk memperlihatkan gaya pertuturan kini di Malaysia, yang cenderung menggunakan bahasa Inggeris dalam perbualan.

#### GAYA PERALIHAN KOD

Berdasarkan analisis, didapati peralihan kod digunakan dalam kedua-dua bahagian wacana, iaitu bahagian naratif dan dialog. Misalnya:

- (18) Dia membuka failnya. Setiausahanya Azie masih belum datang lagi. Banyak yang harus diselesaikan sekarang. Tidak lama lagi syarikat akan mengadakan *annual dinner*. Banyak yang perlu diuruskan.

Hujung tahun begitu memang banyak yang mahu dikendalikan. Dia melihat-lihat failnya. Membaca satu satu. Melihat *report* yang dihantar kepadanya dan membaca salah satu daripadanya. Masalah disiplin. Tiga kali bergaduh dengan penyelia. Hilang waktu kerja dan cuai. Dia melihat nama yang dimaksudkan. Johari Aman.

Dia mengambil pennya, mencatat sesuatu di kertas. Pekerja ini perlu dipanggil dan ditanya.

(Norhayati Berahim 2005: 4)

Contoh petikan (18) di atas memperlihatkan penggunaan *annual dinner* dan *report* dalam bahagian naratif. Hal ini bersamaan dengan penggunaan dialek yang dominan dalam bahagian naratif dan dialog oleh Shahnnon Ahmad. Gaya seperti ini dapat dianggap sebagai penyimpangan daripada tradisi sastera Melayu. Penggunaan dialek yang ketara dalam karya Shahnnon Ahmad bertujuan untuk menggambarkan peristiwa dan watak yang berasal dari kampung secara lebih realistik. Sebagai perbandingan, penggunaan peralihan kod yang ketara dalam karya sastera Melayu kini turut berfungsi untuk menggambarkan gaya bahasa masyarakat kelas menengah dan atas di bandar, selain menonjolkan identiti penutur dwibahasa yang melangkaui batasan umur, kelas sosial, bangsa dan agama.

Seterusnya perhatikan contoh yang berikut:

- (19) Telefon berdering sebaik sahaja dia melabuhkan punggung di kerusi pagi. Suara di hujung talian kedengaran segar, sesegar nyaman hawa dingin di ruang pejabatnya walaupun di luar matahari sepuluh pagi menebarkan cahaya gemilang ke seluruh jagat kota raya.

“Cik Eleena?”

“Saya.”

“Asri’s here. Remember?”

“Asri!” Eleena terpekik.

Suara lelaki di sana ketawa panjang. Sejak semalam Asri mencarinya tetapi dia sibuk bermesyuarat. Hanya pesanan ditinggalkan kepada pembantu Eleena, Fariza. Tetapi sahabat itu tidak meninggalkan nombor telefon untuk dia hubungi balas.

“Where on the earth have you been, Asri?”

“Hey, naughty girl! Tanya aku pula?”

Sepatutnya aku yang tanya begitu. Lari *overseas* senyap-senyap. Balikpun tak beritahu orang. Sekarang selesalah dengan jawatan menejar?”

(Salina Ibrahim 2003: 28)

Ternyata dialog di atas dikuasai oleh peralihan kod dengan tujuan untuk menunjukkan hubungan yang rapat sesama penutur. Watak Asri dan Eleena merupakan sahabat lama, yang kini berhubung semula. Ujaran Asri di awal perbualan “Cik Eleena?”

disambut dalam bahasa Melayu “Saya”. Setelah mendapat kepastian, Asri langsung menggunakan bahasa Inggeris, dan Eleena juga memberi respon dalam bahasa Inggeris. Hal ini menunjukkan bahawa peralihan kod digunakan oleh kenalan yang rapat, daripada kelas sosial yang sama.

### VARIASI GAYA DALAM TEKS

Dalam bahagian ini akan dibincangkan variasi gaya pertuturan watak dalam situasi formal atau tak formal. Variasi gaya dalam konteks ini merujuk kepada variasi bahasa, misalnya dialek, medium, tenor dan domain. Variasi dialek melibatkan kepelbagaian leksikal pada sebarang tahap linguistik. Medium ialah perbezaan gaya penyampaian, misalnya tulisan dan pertuturan. Tenor pula merujuk kepada hubungan di antara penutur dengan pendengar. Akhirnya, domain bermaksud subjek yang diperkatakan. Misalnya, bahasa perundangan mempunyai istilahnya yang khas, yang berbeza daripada bahasa sains tulen. Dalam bahagian ini, variasi gaya akan tertumpu pada aspek tenor. Menurut Short (1996):

“...we will use direct and informal language with friends and close family members, and more formal, indirect language with those we are not so close to, or who we feel are in superior social positions. This can be most easily seen when someone uses language inappropriate to a particular social situation.

Pernyataan di atas menegaskan bahawa seseorang akan menggunakan bahasa yang informal apabila berbual dengan rakan dan ahli keluarga yang rapat, dan gaya bahasa akan berubah menjadi formal jika berbual dengan orang yang tidak rapat atau mempunyai tahap sosial yang lebih tinggi. Makalah ini akan meneliti variasi gaya pertuturan watak tertentu dalam situasi yang berbeza-beza, termasuk usia dan status sosial yang tidak sama.

Yang berikut dipaparkan gaya pertuturan watak Nina dalam novel *Teguh* dalam situasi formal, misalnya di pejabat.

- (20) “I terima *this letter*, today. Pertandingan *quest* kawasan selatan. *I think our company should enter.*” Benedict menghulurkan beberapa keping kertas di atas meja Nina. Nina menyambut kertas tersebut. Dipandanginya wajah serius Benedict. Sejak semalam anak muda itu tidak begitu gembira. Dia tidak sempat bertanya kerana terlalu sibuk menguruskan pekerja baru. “*Shouldn’t it be compulsory?*” Nina bergurau namun Benedict tetap begitu tegang dan tidak tersenyum langsung. (Norhayati Berahim 2005: 31)

Contoh (20) di atas ialah perbualan di antara Benedict dengan Nina. Dalam novel ini, Benedict ialah salah seorang watak utama yang berbangsa India. Dia meminati Nina, dan merupakan pekerja yang setaraf dengan Nina. Ternyata Benedict lebih selesa menggunakan intra-ayat dan inter-ayat. Yang lebih dominan dalam pertuturan di atas ialah inter-ayat. Respons daripada Nina juga dalam bentuk inter-ayat, “*Shouldn’t it be compulsory?*”

Perhatikan pula contoh yang berikut, iaitu di antara watak Benedict dengan Fikri, yang juga berada dalam situasi yang formal.

- (21) *Your proposal* memang baik Mr. Benedict tapi *I* rasa *I have my own idea and way* untuk cari pasaran baru.” Dia berkata kepada Benedict ketika mereka sama-sama keluar dari bilik mesyuarat. Benedict tersenyum, merenung Fikri yang kelihatan serius. “Betul kata *you* tapi kita boleh berkongsi pendapat. Kalau idea dan cadangan *I* tak berapa baik *you* rasa, *you* boleh *reject*. *No problem.*” Benedict tersenyum. “*I* bertanggungjawab dengan *marketing*. *I* rasa *I can do it myself*. Tak perlu cadangan dari mana-mana.” Fikri membalas keras. (Norhayati Berahim 2005: 35-36)

Contoh (21) di atas memperlihatkan penguasaan bentuk intra-ayat. Misalnya Fikri memulakan ujarannya dalam bahasa Inggeris, *Your proposal*, kemudian diselitkan klausa *I have my own idea and way* di pertengahan ujaran, dan diakhiri dengan ungkapan dalam bahasa Melayu. Rumus peralihan kod untuk ujaran ini ialah BI + BM + BI + BM. Sebagaimana contoh (20) sebelumnya, didapati penutur cenderung memilih peralihan kod dalam perbualan situasi formal kerana hubungan yang rapat dan kelas sosial yang sama, tanpa mengira bangsa.

Seterusnya dikemukakan contoh yang berikut oleh dua watak utama, yang sama bangsa, sebagai perbandingan dengan dua contoh sebelumnya.

- (22) “*I* perasan Nina, *you* cukup popular di sini. Rata-rata puji *you*, *you* banteras penyalahgunaan dadah. *You* buat itu, *you* buat ini. Dan *I* dapat tahu ramai *admire* dekat *you*, *engineer* di bawah sana ramai yang nak *tackle you*, *I* dengar.” Nina ketawa kecil. Menggelengkan kepala. “*Nonsense*, don’t create your own story, Fikri..” “*Serious*, *I* selalu makan dengan mereka. *I* tahu. (Norhayati Berahim 2005: 24)

Sebagaimana yang telah ditegaskan di atas bahawa peralihan kod menjadi suatu kelaziman dan trend berbahasa dalam kalangan masyarakat Malaysia. Contoh ini mengesahkan bahawa gejala peralihan kod juga digunakan sesama bangsa.

Bentuk intra-ayat sangat dominan, misalnya ganti nama *you* dan *I*, kata adjektif *admire*, kata kerja *tackle* dan kata nama *serious*, *engineer*. Semua pilihan kata ini menggambarkan gaya berbahasa yang lazim di Malaysia. Misalnya *admire* bermaksud meminati atau suka akan seseorang. Penutur tidak akan menggunakan meminati atau suka terhadap orang lain, tetapi *admire*. Begitu juga kata *tackle* yang merujuk kepada mengurur. Perkataan ini sudah meluas digunakan bagi menggantikan kata 'mengurur'. Apabila sudah meluas digunakan, penutur akhirnya tidak sedar yang mereka sudah melakukan peralihan kod. Gaya peralihan kod ini didapati turut berlaku dalam kelas sosial yang berbeza, misalnya di antara ketua dengan pembantunya (setiausaha). Misalnya:

- (23) "I nak ke balai polis sekejap. Kemudian mungkin ke hospital melihat Nordin. Beritahu Ramli kalau pihak insurans datang. Mungkin I akan balik lambat. Ambil apa-apa *message* dan lagi satu minta *finance issue check* secepat mungkin untuk keluarga Nordin. Kalau boleh sebelum besok pagi." Arah Nina tegas.  
(Norhayati Berahim 2005: 21)

Contoh di atas ialah arahan oleh Nina kepada pembantunya, Azie. Ketara sekali, Nina menggunakan bentuk bahasa yang sama, dengan Benedict dan Fikri, dengan dominannya intra-ayat, misalnya *message* dan *finance issue check*. Kata *message* merujuk kepada mesej yang telah dipinjam daripada bahasa Inggeris dan sudah mantap penggunaannya. Frasa *finance issue check* pula merujuk kepada laras bahasa perbankan, iaitu meminta pihak bank mengeluarkan cek untuk diserahkan kepada keluarga Nordin.

Berdasarkan penelitian, gaya peralihan kod tidak hanya berlaku di dalam situasi formal, malah turut melibatkan situasi tak formal, misalnya di luar pejabat.

- (24) "Ben, *sorry to disturb you*."  
Nina tersengih memandang Benedict yang agak terperanjat merenungnya. Gadis di sebelah Benedict turut tersenyum.  
"Ha...Nina, *what are you doing here*?" Tanya Benedict. Dadanya berdebar. Kenapa dia ditemukan dengan Nina dalam keadaan begitu.  
"I nak beli sate untuk *my mother*. Tak nak *introduce your girlfriend* ke?" Usik Nina. Benedict teragak-agak.  
"Rose, *this is* Nina. Nina, Rose."  
(Norhayati Berahim 2005: 76-77)

Nina masih menggunakan bentuk bahasa yang sama apabila berbual dengan Benedict. Dalam perkataan lain, bentuk peralihan kod telah menjadi

sebahagian gaya pertuturan watak sama ada di dalam situasi formal atau tak formal.

Berdasarkan pemerhatian, didapati bahawa gaya pertuturan seseorang akan berubah apabila bertutur dengan seseorang yang rapat dan lebih tua daripadanya. Misalnya:

- (25) "Nasib Fikri ada, kalau tak Nina balik naik apa?"  
"Telefon ibulah, kereta ibukan ada." Nina mengusik ibunya.  
"Nina bukan tak tahu ibu kalau memandu malam-malam mana nampak sangat." Mak Mimah mempertahankan kata-katanya.  
"Alah pergi masjid malam-malam nampak. Nak ambil anak sendiri tak nampak?" Rajuk Nina  
(Norhayati Berahim 2005: 61-62)
- (26) Dia bersalaman dengan Hajah Naimah ketika sampai di Pusat Asuhan Puteri. Sudah hampir Maghrib ketika dia sampai. Kalau tidak Hajah Naimah yang menurutnya di pintu pagar, dia tidak dibenarkan masuk.  
"Tengok kedai ibu saya di Kuala Lumpur, lepas tu jumpa jiran masa kami tinggal di sana. Ini yang Maghrib baru tiba sini." Terang Nina ketika menyalam Hajah Naimah. Hajah Naimah hanya menganggukkan kepalanya.  
(Norhayati Berahim 2005: 74)

Kedua-dua contoh cebisan di atas memperlihatkan bahawa faktor umur dan hubungan akan mempengaruhi gaya pertuturan seseorang. Dalam contoh (25), Nina tidak menggunakan sebarang bentuk peralihan kod, apabila bertutur dengan ibunya, Mak Mimah. Hal yang sama dapat dikesan dalam contoh (26), Nina menggunakan bahasa Melayu sepenuhnya semasa bertutur dengan Hajah Naimah, pengasuh yang berumur hampir 50 tahun. Kedua-dua wanita tersebut sangat berbeza jarak umur dan mempunyai hubungan yang akrab dengan Nina. Contoh ini menunjukkan Nina tahu membezakan konteks yang sesuai untuk menggunakan peralihan kod. Secara sederhana, dapat dikatakan Nina melakukan peralihan kod secara sedar, iaitu dengan rakan sepejabat yang sama taraf atau pembantunya yang rapat. Dalam contoh lain, Nina turut menggunakan bahasa Melayu sepenuhnya semasa berbual dengan pekerja bawahannya yang tidak begitu rapat.

- (27) "Johari, saya bercakap dengan awak. Awak boleh beritahu saya, 'saya tak suka kerja di sini lagi. Kerja banyak sekarang.' Tapi awak mesti sedar. Kalau awak bekerja di tempat lain dengan keadaan awak yang macam ini, awak tak akan kekal lama. Laporan awak sungguh teruk. Bergaduh dengan penyelia sampai bertumbuk. Hilang dua tiga jam waktu kerja. Kalau apa-apa terjadi waktu awak bekerja, ia jadi tanggungjawab majikan. Saya juga

yang kena, penyelia awak yang kena. Nama syarikat akan tercemar. InsyaAllah kalau ada yang boleh saya bantu. Saya akan bantu.”

(Norhayati Berahim 2005: 13-14)

Watak Johari lebih muda berbanding Nina dan merupakan pekerja bawahannya yang terlibat dengan kegiatan najis dadah. Nina membahaskan dirinya *saya*, sementara Johari dipanggil *awak*. Penggunaan *saya* dan *awak* ini memperlihatkan perbezaan jarak dan hubungan di antara peserta. Berbanding dengan Benedict dan Fikri, yang tidak berbeza jarak dan hubungan yang rapat antara mereka, Nina memilih bentuk ganti nama bahasa Inggeris *I* dan *you*. Jika diperhatikan terdapat 13 klausa dalam contoh (27). Hanya kata *Insya-Allah* merupakan bahasa Arab, selebihnya tiada sebarang penggunaan partikel atau perkataan daripada bahasa Inggeris. Hal ini membuktikan bahawa Nina mempunyai gaya pertuturan yang bervariasi, yang akan berubah, iaitu bergantung kepada orang yang dilawan bertutur.

#### KESIMPULAN

Makalah ini telah membincangkan gaya peralihan kod dalam kesusasteraan Melayu daripada segi pola dan variasi gaya. Didapati pola peralihan kod Melayu-Inggeris sangat bervariasi. Misalnya, morfem terikat, iaitu partikel dan imbuhan boleh sahaja disematkan dengan sebarang perkataan daripada bahasa Inggeris, untuk dirujuk kepada makna yang tertentu. Dari segi fungsi, partikel *-lah* dan *-kan* ternyata berguna untuk melembutkan dan menegaskan sesuatu ujaran dalam pertuturan dwibahasa. Pola intra-ayat pula telah digunakan secara dominan dalam kesusasteraan Melayu berbanding inter-ayat. Dari segi konsep, penemuan ini memperlihatkan bahawa watak yang ditonjolkan dalam novel bahasa Melayu cenderung menjadi dwibahasa dominan (dominant bilinguals). Menurut Chin & Wigglesworth (2007) dwibahasa dominan merujuk kepada penutur dwibahasa yang dominan dalam satu bahasa, sementara bahasa yang satu lagi menjadi bahasa yang disematkan sahaja. Dalam kes ini, gaya pertuturan watak dalam novel bahasa Melayu hanya dominan menggunakan bahasa Melayu, dengan penyematan atau penyelitan perkataan bahasa Inggeris. Hal ini menggambarkan realiti atau budaya berbahasa dalam kalangan penutur di Malaysia, sekali gus menjadi gaya pertuturan yang lazim dalam kesusasteraan Melayu kini. Telah

juga diperlihatkan bahawa gaya pertuturan watak dalam situasi rasmi atau tak rasmi adalah konsisten, jika berbual dengan seseorang yang sama taraf dan rakan rapat. Bagaimanapun, gaya pertuturan watak akan berubah apabila berbual dengan seseorang yang berbeza jarak dan tidak rapat. Penemuan ini menunjukkan bahawa penutur sebenarnya sedar tentang gaya pertuturannya. Penutur lebih cenderung memilih peralihan kod Melayu-Inggeris dalam situasi formal dan akan menggunakan bahasa Melayu sepenuhnya dalam situasi tak formal, iaitu bergantung kepada sidilawan bicara. Yang lebih penting lagi, analisis gaya peralihan kod dalam makalah ini memperlihatkan bahawa kesusasteraan Melayu moden bersifat multilingual, dengan gaya keinggerisan, yang dipengaruhi oleh angkubah sosial yang tertentu.

#### RUJUKAN

- Aisya Sofea. 2007. *Jauh*. Selangor: Alaf Dua Puluh Satu Sendirian Berhad.
- Baker, C. 1993. *Foundations of Bilingual Education and Bilingualism*. Great Britain: Multilingual Matters.
- Caccamo, C. A. 1998. From 'switching code' to 'code-switching'. Dlm. *Code-switching in Conversation: Language, Interaction and Identity*, disunting oleh Auer, P. London: Routledge.
- Chin, Ng Bee & Wigglesworth, G. 2007. *Bilingualism: An Advanced Resource Book*. London: Routledge.
- Guadalupe Valdés Fallis. 1976. Code-switching in Bilingual Chicano Poetry. *Hispania* 59(4): 877-886.
- Ibhawaegbele, F. O. & Edokpayi, J.N. 2012. Code-switching and Code-mixing as Stylistic Devices in Nigerian Prose Fiction: A Study of Three Nigerian novels. *Research on Humanities and Social Sciences* 2(6).
- Merriam-Webster's online dictionary*. [www.Merriam-Webster.com](http://www.Merriam-Webster.com).
- Milroy, L & Muysken, P. 1995. Introduction: Code Switching and Bilingualism Research. In Lesley Milroy & Pieter Muysken (eds.). *One Speaker, Two Languages*. New York: Cambridge University Press.
- Mohammad Fadzeli Jaafar. 1999. Emblematic Codeswitching Represented in Fiction: the Case of the Maya Discourse Markers *lah, what, ah*. *Jurnal Bahasa Moden* 12: 41-58.
- Norhayati Berahim. 2005. *Teguh*. Kuala Lumpur: Creative Enterprise Sdn. Bhd.
- Poplack, S. 1982. Bilingualism and the Vernacular. In *Issues in International Bilingual Education: The Role of the Vernacular*, edited by Hartford, B., Valdman, A. & Foster, C. R. New York and London: Plenum Press.
- Romaine, S. 1995. *Bilingualism*. 2<sup>nd</sup> edition. Oxford: Blackwell.
- Saleha Hussin. 2005. *Pemburu Mimpi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Salina Ibrahim. 2003. *Mahligai*. Kuala Lumpur: Creative Enterprise Sdn. Bhd.



- Shellabear, W.G., eds. 1991. *Sejarah Melayu*. Petaling Jaya: Fajar Bakti.
- Short, M. 1996. *Exploring the Language of Poems, Plays and Prose Fiction*. London: Longman.

*Mohammad Fadzeli Jaafar*  
*Program Linguistik*  
*Pusat Pengajian Bahasa dan Linguistik*  
*Universiti Kebangsaan Malaysia*  
*43600 UKM, Bangi, Selangor, MALAYSIA.*  
E-mail: fadzeli@ukm.edu.my

